



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT  
'PROJEK KOMUNITI LESTARI'  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN  
TENAGA NASIONAL BERHAD**

**PADA 24 NOVEMBER 2015  
DI PUSAT LATIHAN PEMULIHAN DAN PERINDUSTRIAN BANGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

**<SALUTASI>**

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran dan Menandatangani MoU Program CSR 'Projek Komuniti Lestari' Tenaga Nasional Berhad dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad yang telah sudi menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi mempertingkatkan tahap kualiti kehidupan kumpulan sasaran.

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

3. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bukanlah satu perkara baharu di Malaysia. Sejak dari Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), Kerajaan telah menekankan kerjasama erat di antara sektor korporat dan Kerajaan dalam usaha mencapai keseimbangan sosioekonomi Negara. Sektor swasta dan korporat diminta untuk turut berada di barisan hadapan dan seiring dengan pihak Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terbelas dan tidak sahaja tergalas di bahu sebelah pihak semata-mata.

## **NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)**

4. Pada masa kini, kerjasama begini dimantapkan lagi dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak. Justeru, strategi atau *way forward* kementerian untuk Bajet 2016 adalah dengan menggunakan pendekatan NBOS dengan penglibatan bersama pelbagai kementerian dan agensi melalui perkongsian strategik (*strategic partnership*), melipatgandakan peranan komuniti (*community empowerment*), menggalakkan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat oleh syarikat swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta melaksanakan dasar pemisah (*exit policy*) dengan lebih agresif oleh agensi di bawah KPWKM.
5. Gabungan semua entiti penting ini dilihat menjadi prasyarat untuk merealisasikan misi nasional dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat Malaysia dalam merealisasikan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".
6. Ini adalah kerana badan-badan korporat adalah sebahagian daripada sektor swasta yang secara dasarnya memperoleh mandat dan kuasa mereka daripada masyarakat di bawah prinsip 'kontrak sosial'. Prinsip ini secara dasarnya memerlukan pihak syarikat dan swasta memberi perkhidmatan dengan penuh tanggungjawab, amanah, sempurna dan memenuhi keperluan dan kemahuan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan hidup masyarakat.

## **BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN**

8. Dalam pada itu, Kerajaan masih lagi menyediakan Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang layak sebagai galakkan dan sokongan kepada mereka yang bergandingan bahu dengan Kerajaan, menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan masyarakat yang memerlukan yang juga merupakan kumpulan sasar Jabatan.
9. Walau bagaimanapun, Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan adalah terhad dan mengikut kadar serta pada syarat-syarat yang hanya dibenarkan sahaja seperti bantuan makan dan minum penghuni atau rangsum, bantuan pentadbiran dan bantuan penyelenggaraan. Sejak dari tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukkan bantuan kepada 255 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan sebanyak RM33.4 juta, diikuti pada tahun 2013 sebanyak RM28 juta kepada 254 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan, tahun 2014 sebanyak RM27.6 juta kepada 241 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan bagi tahun 2015 pula, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM27.2 juta kepada 243 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Peruntukan disalurkan untuk tujuan bantuan semakin berkurangan selaras dengan Dasar Kerajaan, menggalakkan NGO atau Pertubuhan Sukarela Kebajikan mencari sumbangan luar.
10. Bagi membolehkan Pertubuhan Sukarela Kebajikan beroperasi dengan lancar, ianya memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya

syarikat-syarikat korporat. Pada tahun 2014, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merekodkan sebanyak 1,149 syarikat atau pihak korporat yang telah memberi sumbangan bernilai RM5.4 juta kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan kumpulan sasaran KPWKM yang memerlukan.

11. Bagi keperluan Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang lain seperti menambah ruang fasiliti bangunan, program dan aktiviti sosial dan lain-lain, kita memerlukan kerjasama dan sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk syarikat korporat. Sumbangan dalam apa jua bentuk daripada syarikat korporat amat berharga dan sudah tentu usaha ini akan banyak membantu meringankan beban yang ditanggung oleh kumpulan sasaran KPWKM dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang memerlukan.

12. Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus aktif dalam menganjurkan program-program kemasyarakatan bersama komuniti setempat di seluruh Malaysia. Justeru, penglibatan badan-badan korporat dalam program-program kemasyarakatan sentiasa dialu-alukan.

### **PELAKSANAAN PROJEK KOMUNITI LESTARI**

13. Saya difahamkan melalui Projek Komuniti Lestari ini, pihak TNB akan memasang sistem solar jenis photovoltaic (PV) dengan kapasiti 10 kilowatt (kW) pada setiap premis yang dikenalpasti. Berdasarkan peruntukan dua (2) megawatt (MW) oleh SEDA kepada TNB dalam projek ini, dianggarkan 100 premis akan mendapat manfaat daripadanya. Pendapatan yang dijana daripada panel solar tersebut akan disumbangkan kepada premis-premis yang dikenalpasti untuk projek ini selama 21 tahun.

14. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat berbesar hati kerana TNB telah sudi memanfaatkan projek ini sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat mereka kepada institusi-institusi di bawah KPWKM. Saya difahamkan sebanyak 19 buah institusi telah dikenalpasti sesuai dan memenuhi syarat ditetapkan untuk menerima projek ini bagi fasa pertama dan salah satunya adalah di PLPP Bangi ini sendiri.

15. Pendapatan yang dijana akan memberi manfaat kepada institusi di bawah KPWKM melalui skim Galakan Tarif (FiT) dengan anggaran bayaran yang akan diterima bagi sesebuah institusi adalah sebanyak RM1,087.80 sebulan, RM13,055.20 setahun dan RM274,159.20 selama 21 tahun. Melalui program ini diharapkan dapat membantu institusi di bawah KPWKM untuk melaksanakan program-program kebajikan untuk manfaat penghuni yang selama ini menghadapi kekangan dari segi sumber kewangan dan kemudahan. Kos pengurusan penghuni institusi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan mencecah sehingga RM1,542 sebulan bagi seseorang warga emas di Rumah Seri Kenangan dan RM1,900 untuk seorang orang kurang upaya di Taman Sinar Harapan. Justeru, penganjuran program seperti ini adalah satu langkah tepat yang membolehkan kita berkongsi idea dan amalan terbaik dalam melaksanakan kerjasama bersama Kerajaan dan swasta yang lestari dan berimpak tinggi.

16. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas usaha murni ini. Saya percaya terdapat banyak lagi syarikat korporat yang sudi tampil membantu bagi menjalinkan kerjasama dalam bentuk yang lain dengan Kementerian.

## **PENUTUP**

17. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini termasuk warga kerja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta semua Agensi Kerajaan dan swasta yang terlibat.

17. Sekali lagi diucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad yang telah bersama menjayakan majlis pelancaran ini dan program CSR 'Projek Komuniti Lestari' kepada kumpulan sasar Jabatan.

18. Akhir kata dengan lafaz Bismillahi rahmani rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Program Tanggungjawab Korporat 'Projek Komuniti Lestari' Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Tenaga Nasional Berhad.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabaraktuh.